

# LAPORAN TAHUNAN 2016

## LEMBAGA KAUNSELOR



# LAPORAN TAHUNAN 2016

## LEMBAGA KAUNSELOR



# ISI KANDUNGAN

## 1. PENGENALAN

- 1.1 SEJARAH RINGKAS LEMBAGA KAUNSELOR
- 1.2 VISI
- 1.3 MISI
- 1.4 FUNGSI
- 1.5 TERAS STRATEGIK LEMBAGA KAUNSELOR
- 1.6 CABARAN LEMBAGA KAUNSELOR

## 2. KEANGGOTAAN LEMBAGA KAUNSELOR DAN JAWATANKUASA KECIL BAGI TAHUN 2016-2018

- 2.1 KEANGGOTAAN LEMBAGA KAUNSELOR TAHUN 2016-2018
- 2.2 JAWATANKUASA KECIL LEMBAGA KAUNSELOR
  - 2.2.1 Jawatankuasa Standard Kelayakan, Latihan dan Pendaftaran
  - 2.2.2 Jawatankuasa Pemantauan & Pengawal Selian
  - 2.2.3 Jawatankuasa Penerbitan dan Penyelidikan
  - 2.2.4 Jawatankuasa Siasatan
  - 2.2.5 Jawatankuasa Tatatertib
  - 2.2.6 Jawatankuasa Kewangan & Dana Koprak
  - 2.2.7 Jawatankuasa Pembangunan Profesional dan Program

## 3. PENGURUSAN LEMBAGA KAUNSELOR

Carta Organisasi Pengurusan Lembaga Kaunselor

## 4. PROGRAM DAN AKTIVITI

- 4.1 MESYUARAT LEMBAGA KAUNSELOR
  - 4.1.1 Mesyuarat Lembaga Kaunselor
  - 4.1.2 Mesyuarat Khas Lembaga Kaunselor
- 4.2 MEMORANDUM OF UNDERSTANDING (MOU) LEMBAGA KAUNSELOR & MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)
- 4.3 BENGKEL DSM-5 SIRI 2
- 4.4 MAJLIS PERASMIAN SEMINAR KAUNSELING KALI KE 15
- 4.5 BENGKEL PENULISAN LAPORAN KAUNSELING
- 4.6 BENGKEL PEMURNIAN CONTOH KES-GARIS PANDUAN LAPORAN KAUNSELING
- 4.7 LAWATAN LEMBAGA KAUNSELOR KE AGENSI KELAYAKAN Malaysia (MQA)
- 4.8 SAMBUTAN BULAN KAUNSELING KEBANGSAAN 2016
- 4.9 BENGKEL PSYCHOLOGICAL FIRST AID (PFA)

## 5. AKTIVITI JAWATANKUASA KECIL LEMBAGA KAUNSELOR

- 5.1 JAWATANKUASA STANDARD KELAYAKAN, LATIHAN DAN PENDAFTARAN
  - 5.1.1 Pendaftaran Kaunselor Berdaftar dan Sijil Perakuan Amalan
  - 5.1.2 Bilangan Sesi Pengesahan Kelayakan bagi Tahun 2016
  - 5.1.3 Statistik Kaunselor Berdaftar mengikut bangsa sehingga 31 Disember 2016
  - 5.1.4 Statistik Kaunselor Berdaftar mengikut Jantina sehingga 31 Disember 2016
  - 5.1.5 Lawatan Akreditasi Program Latihan Kaunseling IPTA/IPTS
  - 5.1.6 Program Kaunseling yang telah mengikut Piawaian Lembaga Kaunselor
- 5.2 JAWATANKUASA PENERBITAN
- 5.3 JAWATANKUASA PEMANTAUAN AMALAN

## 6. KESIMPULAN



**PENGENALAN**

## **1. PENGENALAN**

### **1.1 SEJARAH RINGKAS LEMBAGA KAUNSELOR**

Kegawatan gejala sosial masa kini memerlukan pendekatan yang lebih berkesan dan kaunseling dikenal pasti sebagai mekanisme terbaik dan sistematik bagi membantu masyarakat dari aspek psikologikal dan tingkah laku agar dapat menyumbang kepada pembentukan masyarakat yang bermoral dan beretika. Sesuai dengan perkembangan pesat yang berlaku dalam masyarakat Malaysia, profesion kaunselor dan bidang kaunseling perlu diiktiraf dengan akta yang tersendiri. Oleh yang demikian, pada Oktober 1993 Jemaah Menteri telah meluluskan penubuhan Majlis Kaunseling Kebangsaan (MKK). Majlis Kaunseling Kebangsaan telah dipengerusikan oleh Y.B Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat ketika itu dan diuruskan secara pentadbiran.

Fokus Majlis Kaunseling Kebangsaan terbahagi kepada tiga tugas utama iaitu menilai keperluan perkhidmatan kaunseling, menentukan definisi dan standard kelayakan serta peringkat-peringkat kaunseling yang ditetapkan dan diiktiraf serta menyediakan kod etika perkhidmatan kaunseling. Majlis Kaunseling Kebangsaan juga telah memutuskan agar Rang Undang-Undang Kaunselor digubal dan hasilnya satu Rang Undang-Undang Kaunselor telah dibentangkan pada 13 Ogos 1996 di Mesyuarat Majlis Kaunseling Kebangsaan.

Rang Undang-Undang Kaunselor ini kemudiannya telah mendapat persetujuan DiRaja pada 4 Mac 1998 dan diwartakan pada 19 Mac 1998 atas nama Akta Kaunselor 1998 (Akta 580). Akta ini memberikan kuasa secara sah ke atas pengawalseliaan perkhidmatan kaunselor serta semua aktiviti berkaitan kaunseling di Malaysia. Lembaga Kaunselor diketuai oleh seorang Presiden dan dianggotai oleh 15 orang ahli yang dilantik mengikut peruntukan di bawah Seksyen 13(1) Akta Kaunselor 1998 (Akta 580). Pentadbiran Lembaga Kaunselor telah diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita,

Keluarga dan Masyarakat setelah penyusunan semula kabinet pada tahun 2004. Unit ini diketuai oleh seorang Pendaftar di bawah Unit Pengurusan Lembaga Kaunselor. Lembaga Kaunselor bertanggungjawab terhadap semua urusan berhubung penguatkuasaan Akta Kaunselor 1998 (Akta 580) dan merupakan satu mekanisme pelaksanaan perkara-perkara yang berhubung dengan akta tersebut bagi mengawal dan membangunkan tahap profesionalisme kaunselor dan perkhidmatan kaunseling di negara ini

## 1.2 VISI

Menjadikan perkhidmatan kaunseling sebagai penjana potensi modal insan ke arah pembentukan masyarakat Malaysia yang maju

## 1.3 MISI

menggubal dasar perkhidmatan kaunseling selaras dengan kehendak semasa

menasihati kerajaan berhubung peranan perkhidmatan kaunseling yang berkualiti

mengawal selia tahap perkhidmatan kaunseling selaras dengan dasar dan peraturan-peraturan sedia ada

mengurus pentadbiran dan rekod profesional kaunselor di Malaysia

**MISI**

#### 1.4 FUNGSI LEMBAGA KAUNSELOR




- i. menyelia pemberian perkhidmatan kaunseling;
- ii. menilai keperluan bagi perkhidmatan kaunseling di Malaysia;
- iii. mengawal selia latihan kaunselor dan menentukan jenis dan tahap kaunseling yang akan diadakan di Malaysia;
- iv. menentukan kelayakan yang melayakkan seseorang untuk didaftarkan di bawah Akta ini;
- v. menentukan standard program latihan kaunseling;
- vi. membuat syor kepada Kerajaan berhubung dengan standard perkhidmatan kaunseling;
- vii. mendaftarkan kaunselor yang berkelayakan;
- viii. mengawal selia fi yang boleh dikenakan oleh kaunselor berdaftar bagi perkhidmatan kaunselingnya;
- ix. melantik anggota-anggota Lembaga untuk menganggotai mana-mana lembaga, jawatankuasa atau badan yang ditubuhkan bagi apa-apa maksud yang menyentuh profesion kaunseling;
- x. mengawal selia tata kelakuan profesion kaunseling, termasuklah menetapkan kod etika bagi profesion kaunseling; dan
- xi. melakukan apa-apa perkara lain yang difikirkan perlu untuk membolehkannya menjalankan fungsinya dengan berkesan.

## 1.5 TERAS STRATEGIK LEMBAGA KAUNSELOR



## 1.6 CABARAN LEMBAGA KAUNSELOR





**KEANGGOTAAN LEMBAGA  
KAUNSELOR DAN JAWATANKUASA  
KECIL BAGI TAHUN 2016-2018**

## 2. KEANGGOTAAN LEMBAGA KAUNSELOR TAHUN 2016-2018

### 2.1 KEANGGOTAAN LEMBAGA KAUNSELOR TAHUN 2016- 2018

YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah melantik anggota Lembaga Kaunselor bagi sesi 2016 – 2018 berdasarkan peruntukan Seksyen 13(1) Akta Kaunselor 1998 (Akta 580) berkuat kuasa mulai 15 April 2016 hingga 14 April 2018. YBrs Dato' Dr. Abd. Halim Bin Mohd. Hussin (April 2016 – September 2017) bekas anggota Lembaga Kaunselor telah dinaikkan pangkat sebagai Pengarah AADK dan di ganti oleh Dr. Ruziati Binti Mior Ahamad Ariffin (Oktober 2017 – April 2018). Anggota Lembaga Kaunselor yang telah dilantik adalah seperti berikut:

1. Puan Hajah Nor Amni binti Yusoff (K.B, P.A)  
**Presiden**
2. Dato Hj. Zulkipli Bin Ramli  
**Wakil Jabatan Kebajikan Masyarakat**
3. Encik Ab. Rahim bin Othman  
**Wakil Kementerian Pendidikan Malaysia**
4. Encik Hairol Kamal bin Ab. Rahman (K.B, P.A)  
**Wakil Kementerian Kesihatan Malaysia**
5. Puan Sabariah binti Salleh  
**Wakil Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**
6. Dr. Ruziati Binti Mior Ahamad Ariffin (K.B, P.A)  
**Wakil Jabatan Perkhidmatan Awam**
7. Encik Ahmad Badruddin Bin Abdullah (K.B, P.A)  
**Wakil Kementerian Dalam Negeri**
8. Prof. Madya Dr. Salleh bin Amat (K.B, P.A)  
**Wakil Institusi Pengajian Tinggi**

9. Prof. Madya Dr. Ruhani binti Mat Amin (K.B, P.A)  
**Wakil Institusi Pengajian Tinggi**
10. Dr. Wan Marzuki bin Wan Jaafar (K.B, P.A)  
**Wakil Institusi Pengajian Tinggi**
11. Prof. Emeritus Dato' Dr. Amir bin Awang (K.B, P.A)  
**Wakil Kaunselor Berdaftar**
12. Dr. Puteri Hayati binti Megat Ahmad (K.B, P.A)  
**Wakil Kaunselor Berdaftar**
13. Puan Mumtaj Begum Bt. Mohd Sultan (K.B, P.A)  
**Wakil Kaunselor Berdaftar**
14. Encik Yee Yong Fak (K.B, P.A)  
**Wakil Kaunselor Berdaftar**
15. Encik Edris bin Aden (K.B, P.A)  
**Wakil Kaunselor Berdaftar**
16. Encik Thavamany a/l Gopal (K.B, P.A)  
**Wakil Kaunselor Berdaftar**

## **2.2 JAWATANKUASA KECIL LEMBAGA KAUNSELOR**

Lembaga Kaunselor telah menubuhkan lima (5) jawatankuasa kecil bagi melaksanakan fungsi dan peranan Lembaga Kaunselor seperti mana yang diperuntukkan dalam Seksyen 12 Akta Kaunselor 1998 (Akta 580). Jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut :

### **2.2.1 JAWATANKUASA STANDARD KELAYAKAN, LATIHAN DAN PENDAFTARAN**

**Ahli: Dr. Wan Marzuki bin Wan Jaafar (Pengerusi)**

Prof. Emeritus Dato' Dr. Amir bin Awang

Prof. Madya Dr. Salleh bin Amat

Prof. Madya Dr. Ruhani Mat Min

Dr. Puteri Hayati Binti Megat Ahma

**2.2.2 JAWATANKUASA PEMANTAUAN & PENGAWAL SELIAAN**

**Ahli: Dato' Dr. Abd. Halim Bin Mohd. Hussin (April 2016- Julai 2017)**

**Tn. Hj. Hairol Kamal bin Ab. Rahman (Pengerusi)**

Encik Ahmad Badruddin bin Abdullah

Dato' Hj. Zulkipli bin Ramli

Encik Edris bin Aden

Encik Yee Yong Fak

Encik Ab. Rahim bin Othman

Puan Sabariah binti Salleh

Encik Thavamany a/l Gopal

Puan Mumtaj Begum Binti Mohd. Sultan

Dr. Ruziati Binti Mior Ahamad Ariffin

**2.2.3 JAWATANKUASA PENERBITAN DAN PENYELIDIKAN**

**Ahli: Encik Edris bin Aden (Pengerusi)**

Dr. Wan Marzuki bin Wan Jaafar

Encik Thavamany a/l Gopal

Prof. Madya Dr. Salleh bin Amat

Dr. Puteri Hayati binti Megat Ahmad

Dr. Ruziati Binti Mior Ahamad Ariffin

**2.2.4 JAWATANKUASA SIASATAN**

**Ahli: Prof. Madya Dr. Ruhani Mat Min (Pengerusi)**

Encik Hairol Kamal bin Ab. Rahman

Encik Thavamany a/l Gopal

**2.2.5 JAWATANKUASA TATATERTIB**

**Ahli: Prof. Emeritus Dato' Dr. Amir bin Awang (Pengerusi)**

Dato' Hj. Zulkipli bin Ramli

Prof. Madya Dr. Salleh bin Amat

Dr. Puteri Hayati binti Megat Ahmad

Dr. Ruziati Binti Mior Ahamad Ariffin

**2.2.6 JAWATANKUASA KEWANGAN & DANA KOPORAT**

**Ahli: Encik Thavamany a/l Gopal (Pengerusi)**

Encik Yee Yong Fak

Puan Sabariah binti Salleh

Puan Mumtaj Begum binti Mohd. Sultan

**2.2.7 JAWATANKUASA PEMBANGUNAN PROFESIONAL DAN PROGRAM**

**Ahli: Prof. Madya Dr. Salleh bin Amat (Pengerusi)**

Dr. Wan Marzuki bin Wan Jaafar

Encik Edris bin Aden

Puan Mumtaj Begum binti Mohd. Sultan


Tn. Hj. Hairol Kamal bin Ab. Rahman

### 3. UNIT URUS SETIA

#### UNIT URUS SETIA LEMBAGA KAUNSELOR

Unit Urus setia Lembaga Kaunselor merupakan unit yang menyelenggara Lembaga Kaunselor dalam memastikan perkhidmatan kaunseling dilaksanakan oleh kaunselor yang berkeelayakan dan bertauliah mengikut peraturan, Kod Etika dan Undang-undang, perkhidmatan kaunseling dilaksanakan pada tahap kualiti yang tinggi dan menggunakan kaedah yang sesuai dan perkhidmatan kaunseling mempunyai tahap piawaian selaras dengan keperluan negara. Unit Urus Setia diketuai oleh Pendaftar dan dua Penolong Pendaftar dan pegawai pendaftar serta staf Lembaga Kaunselor. Unit Urus Setia Lembaga Kaunselor telah dibubarkan dan diwujudkan satu unit baru iaitu unit Pengurusan Lembaga Kaunselor.


**Carta Organisasi Unit Urus Setia Lembaga Kaunselor**



## PENGURUSAN LEMBAGA KAUNSELOR

Bermula 1 Julai 2017, Lembaga Kaunselor telah diperbadankan sebagaimana yang telah diperuntukkan di bawah Seksyen 11, Akta Kaunselor 1998 (Akta 580). Setelah diperbadankan, pengurusan Lembaga Kaunselor beroperasi dengan lima orang pegawai dan diketuai oleh seorang Ketua Pegawai Eksekutif/Pendaftar. Mereka telah dilantik secara kontrak selama dua tahun oleh Lembaga kaunselor. Bermula Julai 2016, pegawai dan kakitangan yang berkhidmat di bawah unit ini adalah seperti berikut:


### Carta Organisasi Pengurusan Lembaga Kaunselor



### UNIT AMALAN KAUNSELOR

Susulan daripada perbadanan Lembaga Kaunselor, Unit Urus setia Lembaga Kaunselor, KPWKM telah dijenamakan semula dengan nama Unit Amalan Kaunselor berkuat kuasa pada 1 Disember 2016. Unit Amalan Kaunselor ini terdiri daripada seorang ketua unit dan dua orang pegawai serta seorang staf sokongan dalam mentadbir unit ini.

Unit ini berfungsi sebagai menetapkan dasar berkaitan perkhidmatan kaunseling di Malaysia, membuat penilaian dan perancangan keperluan perkhidmatan kaunseling kementerian serta agensi-agensi di bawahnya, memantau pelaksanaan dasar kaunseling negara, menyelaras program/aktiviti berkaitan Lembaga Kaunselor dan Majlis Penasihat Kaunselor, pelaksanaan program lay kaunselor, pelaksanaan program perkembangan kaunselor KPWKM, menyelaras dan memantau aktiviti perkhidmatan NGO dan melaksana program kementerian bersama Lembaga Kaunselor.





**PROGRAM DAN AKTIVITI**



## 4. PROGRAM DAN AKTIVITI

Sepanjang tahun 2016 pelbagai aktiviti telah dilaksanakan oleh Lembaga Kaunselor seperti berikut:

### 4.1 MESYUARAT LEMBAGA KAUNSELOR

Mesyuarat Lembaga Kaunselor merupakan suatu agenda penting yang menghimpunkan semua anggota Lembaga untuk membincangkan pelbagai perancangan dan pelaksanaan aktiviti tahunan Lembaga Kaunselor, isu semasa yang berkaitan dengan bidang kaunseling dan profesionalisme Kaunselor Berdaftar. Melalui mesyuarat ini juga anggota Lembaga Kaunselor berpeluang untuk bertukar pandangan dan pendapat berkaitan isu dan ilmu baharu dalam bidang dan amalan kaunseling. Sepanjang tahun 2016, Lembaga Kaunselor telah mengadakan 7 (tujuh) Mesyuarat Lembaga Kaunselor dan 2 (dua) mesyuarat khas. Mesyuarat tersebut adalah seperti berikut :

#### 4.1.1 Mesyuarat Lembaga Kaunselor

Bil 1/2016	19 Januari 2016	- Bilik Mesyuarat Aras 19, KPWKM
Bil 2/2016	23 Februari 2016	- Bilik Mesyuarat Aras 19, KPWKM
Bil 3/2016	29 Mac 2016	- Bilik Mesyuarat Aras 19, KPWKM
Bil 4/2016	12 Mei 2016	- Bilik Mesyuarat Aras 19, KPWKM
Bil 5/2016	19 Julai 2016	- Bilik Mesyuarat Aras 19, KPWKM
Bil 6/2016	23 Ogos 2016	- Bilik Mesyuarat Aras 19, KPWKM
Bil 7/2016	25 Okt 2016	- Bilik Mesyuarat Aras 19, KPWKM

#### 4.1.2 Mesyuarat Khas Lembaga Kaunselor

Bil 1/2016 21 Jun 2016 - Bilik Mesyuarat Aras 19, KPWKM

Bil 2/2016 29 Dis 2016 - Bilik Mesyuarat Aras 19, KPWKM

### 4.2 *MEMORANDUM OF UNDERSTANDING (MOU)* LEMBAGA KAUNSELOR & MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)

Pada 12 Januari 2016, Lembaga Kaunselor telah mengadakan Memorandum Persefahaman (MOU) dengan Majlis Amanah Rakyat bertempat di Ibu Pejabat Majlis Amanah Rakyat (MARA), Kuala Lumpur.

Majlis telah dihadiri oleh Presiden Lembaga Kaunselor, Ahli lembaga Kaunselor dan beberapa wakil MARA di mana telah menyaksikan termaterinya perjanjian kerjasama pintar antara MARA dan Lembaga Kaunselor.



### 4.3 BENGKEL DSM-5 SIRI 2

Pada 2 dan 3 Mac 2016 Lembaga Kaunselor telah mengadakan Bengkel DSM-5 Siri 2 bertempat di Unit Pengurusan Lembaga Kaunselor, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK), Aras 19, Putrajaya. Fasilitator yang mengendalikan bengkel ini adalah Dr Hazli bin Zakaria daripada Hospital Univeristi Kebangsaan Malaysia (HUKM). Bengkel ini bertujuan untuk memberi pendedahan serta kemahiran kepada peserta dalam mentadbir dan menggunakan DSM-5.

Seramai 15 orang peserta yang hadir terdiri daripada kaunselor berdaftar daripada pelbagai agensi awam dan swasta. Peserta ini juga dari kalangan pensyarah Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta seperti Universiti Malaysia Sabah (UMS) Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan kaunselor dari agensi swasta.



#### 4.4 MAJLIS PERASMIAN SEMINAR KAUNSELING KALI KE 15

Pada 8 dan 9 Mac 2016, Universiti Utara Malaysia (UUM) dengan kerjasama Majlis Kaunseling dan Kerjaya Universiti-universiti Malaysia (MAKUMA), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Lembaga Kaunselor dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mengendalikan seminar kaunseling kali ke 15 di Dewan Nur, KPWKM. Seminar ini telah mengetengahkan isu kesihatan mental yang dilihat semakin membimbangkan jika tidak ditangani segera. Seminar yang bertemakan “Intervensi Kaunseling - Kesihatan Mental” ini telah dirasmikan oleh YB Dato’ Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat.



#### 4.5 BENGKEL PENULISAN LAPORAN KAUNSELING

Bengkel penulisan laporan kaunseling yang dianjurkan oleh Lembaga Kaunselor telah diadakan dalam dua (2) fasa. Fasa pertama adalah diadakan pada 2 Jun 2016 dan fasa yang kedua telah diadakan pada 5 dan 6 September 2016. Fasilitator yang mengendalikan bengkel ini adalah YBrs Dr Othman Mohamed yang merupakan bekas Pensyarah Kaunseling di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Bengkel ini memberi pendedahan kepada peserta tentang kaedah penulisan laporan kaunseling mengikut standard yang telah ditetapkan oleh Lembaga Kaunselor. Bengkel ini terbuka kepada semua kaunselor berdaftar yang terdiri daripada pelbagai agensi awam dan swasta.



#### 4.6 BENGKEL PEMURNIAN CONTOH KES-GARIS PANDUAN LAPORAN KAUNSELING

Pada 3 Mac 2016 dan 1 Ogos 2016 Lembaga Kaunselor telah mengadakan Bengkel Pemurnian Contoh Kes-Garis Panduan Penulisan Kes yang bertempat di Pejabat Lembaga Kaunselor, Putrajaya dan Hotel Prescott Kajang. Objektif utama bengkel ini adalah untuk menyediakan satu garis panduan penulisan kes yang akan digunakan oleh pengamal kaunseling di Malaysia. Bengkel ini dihadiri oleh Presiden Lembaga Kaunselor, wakil Ahli Lembaga Kaunselor dan beberapa orang pakar yang dijemput untuk menghasilkan draf akhir laporan kaunseling.



#### 4.7 LAWATAN LEMBAGA KAUNSELOR KE AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA (MQA)

Pada 9 September 2016 Lembaga Kaunselor, Badan Profesional & Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) telah mengadakan mesyuarat meja bulat yang bertempat di Bilik Mesyuarat, MQA. Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk membincangkan hala tuju program kaunseling di Malaysia. Lembaga Kaunselor bekerjasama dengan MQA untuk menyemak struktur program kaunseling untuk Universiti Awam dan Universiti Swasta. Lembaga Kaunselor juga turut serta bersama MQA dalam lawatan ke universiti-universiti untuk semakan setiap program kaunseling.

Perbincangan bersama MQA bertujuan untuk menambahbaik program-program yang melibatkan kaunseling di seluruh Malaysia agar boleh meningkatkan kualiti kemahiran kaunseling dalam kalangan para graduan kaunseling profesional.



#### 4.8 SAMBUTAN BULAN KAUNSELING KEBANGSAAN 2016

Pada 4 Oktober 2016 Lembaga Kaunselor telah mengadakan Majlis Pelancaran Bulan Kaunseling Kebangsaan 2016 yang bertemakan “Kami Di Sini Untuk Anda”. Seminar ini telah dirasmikan oleh YB Dato’ Sri Rohani Abdul Karim Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) bertempat di Dewan Perdana Nur, Putrajaya.

Selari dengan pelancaran Bulan Kaunseling pada Oktober 2016, ramai kaunselor di setiap negeri turut menganjurkan berbagai aktiviti bagi menyemarakkan Bulan Kaunseling ini. Di samping itu juga, Majlis Pelancaran ini juga memberi penghargaan kepada mantan-mantan ahli Lembaga Kaunselor yang telah lama menyumbang khidmat kepakaran profesion kaunseling di Malaysia.



#### 4.9 BENGKEL *PSYCHOLOGICAL FIRST AID (PFA)*

Pada 28 hingga 29 November 2016 Lembaga Kaunselor telah mengadakan Bengkel *Psychological First Aid (PFA)* yang bertempat di Aras 19 di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). Peserta yang menyertai bengkel ini seramai 35 orang yang terdiri daripada kaunselor berdaftar dari pelbagai agensi termasuk agensi Jabatan Pertahanan Awam dan Tentera Darat Malaysia.

Bengkel ini bertujuan untuk memberi pengetahuan dan kemahiran asas bagi membantu mangsa bencana alam dalam aspek bantuan psikologi. Bengkel ini meliputi simulasi yang mampu memberi impak kepada kaunselor-kaunselor yang akan mengendalikan kes-kes yang berkaitan dengan bencana atau tragedi.



## **5. AKTIVITI JAWATANKUASA KECIL LEMBAGA KAUNSELOR**

### **5.1 JAWATANKUASA STANDARD KELAYAKAN DAN LATIHAN**

#### **5.1.1 Pendaftaran Kaunselor Berdaftar dan Sijil Perakuan Amalan**

Sehingga 31 Disember 2016, jumlah keseluruhan kaunselor berdaftar di Malaysia adalah seramai 7,157 orang. Seramai 707 atau 101% kaunselor telah didaftarkan sepanjang tahun 2016. Pendaftaran kaunselor berdaftar ini bertujuan memenuhi sasaran nisbah seorang kaunselor bagi 4,000 orang ahli masyarakat (1 : 4,000) menjelang tahun 2020 dengan populasi penduduk mencecah 35 juta.


#### **5.1.2 Bilangan Sesi Pengesahan Kelayakan Bagi Tahun 2016**

Sesi pengesahan kelayakan bagi tahun 2016 adalah sebanyak 52 sesi yang telah diadakan di seluruh negeri. Antara negeri di mana sesi pengesahan kelayakan telah dijalankan adalah Ilayah Persekutuan, Pahang, Sarawak, Sabah, Pualau Pinang, Kedah, Kelantan, Terengganu dan Negeri Sembilan.

Keseluruhan jumlah peserta bagi sesi pengesahan kelayakan tahun 2016 adalah seramai 785 calon dari pelbagai negeri. Dari jumlah tersebut hanya seramai (704) calon layak didaftarkan sebagai kaunselor berdaftar bagi tahun 2016. Sebilangan calon yang tidak memenuhi syarat Piawaian Latihan diberi peluang untuk mengambil ujian bagi meningkatkan lagi kemahiran serta pengetahuan dalam bidang kaunseling.

**5.1.3 Statistik Kaunselor Berdaftar Mengikut Bangsa sehingga 31 Disember 2016**

BANGSA	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	JUMLAH KESELURUHAN
JUMLAH	5,510	907	306	434	7,157



**5.1.4 Statistik Kaunselor Berdaftar Mengikut Jantina sehingga 31 Disember 2016**

Bil	Negeri	Lelaki	Perempuan
1.	Semenanjung	2,041	4,294
2.	Sabah	163	333
3.	Sarawak	100	226
	JUMLAH	2,304	4,853
	JUMLAH KESELURUHAN	<b>7,157</b>	

### 5.1.5 Lawatan Akreditasi Program Latihan Kaunseling IPTA/IPTS

Sepanjang tahun 2016, Jawatankuasa Standard Kelayakan dan Latihan telah menyemak beberapa struktur program latihan kaunseling bagi Institusi Pengajian Tinggi yang menawarkan program Ijazah Sarjana Muda Kaunseling dan Ijazah Sarjana Kaunseling di Malaysia. Antara Universiti yang memohon semakan program dari Lembaga Kaunselor adalah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

### 5.1.6 Program Kaunseling yang telah mengikut Piawaian Lembaga Kaunselor

Bil	Nama UA/US	Kelayakan
1	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sarjana Sains Sosial (Psikologi Kaunseling)</li> <li>• Sarjana Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling)</li> </ul>
2	Universiti Malaya (UM)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ijazah Sarjana Muda Kaunseling;</li> <li>• Sarjana Kaunseling.</li> </ul>
3	Universiti Sains Malaysia (USM)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sarjana Kaunseling.</li> <li>• Sarjana Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling)</li> </ul>
4	Universiti Putra Malaysia (UPM)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bacelor Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling).</li> <li>• Master Sains (Bimbingan dan Kaunseling)</li> <li>• Master Pendidikan (Bimbingan</li> </ul>

		dan Kaunseling)
5	Universiti Utara Malaysia (UUM)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sarjana Sains (Kaunseling);</li> <li>• Ijazah Sarjana Muda Kaunseling dengan Kepujian (Psikologi Kaunseling)</li> <li>• Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan Kepujian (Bimbingan dan Kaunseling).</li> </ul>
6	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sarjana Muda Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling</li> <li>• Sarjana Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling)</li> <li>•</li> </ul>
7	Universiti Malaysia Sabah (UMS)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sarjana Muda Psikologi dengan Kepujian (Psikologi Kaunseling);</li> <li>• Sarjana Psikologi (Kaunseling).</li> <li>• Sarjana Psikologi Kaunseling (Penyalahgunaan Dadah)</li> </ul>
8	Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sarjana Muda Dengan Kepujian (Kaunseling)</li> </ul>
9	Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sarjana Muda Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) Dengan Kepujian:</li> <li>• Sarjana Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling).</li> </ul>
10	Universiti Malaysia Terengganu (UMT)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ijazah Sarjana Muda Kaunseling.</li> <li>• Sarjana Muda Pengurusan (Kaunseling) (Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia)</li> </ul>
11	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ijazah Sarjana Muda Kaunseling dengan Kepujian</li> <li>• Sarjana Kaunseling (Penyalahgunaan Dadah)</li> <li>• Sarjana Pendidikan Kaunseling</li> <li>• Sarjana Kaunseling (Kaunseling Keluarga)</li> </ul>

12	Kolej Universiti Insaniah	<ul style="list-style-type: none"><li>• Sarjana Kaunseling</li></ul>
13	Open University Malaysia	<ul style="list-style-type: none"><li>• Master of Counseling</li></ul>
14	HELP University	<ul style="list-style-type: none"><li>• Master In Counseling</li></ul>

Sehingga Disember 2016 Lembaga Kaunselor telah menyenaraikan 14 buah universiti yang menawarkan Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana dalam bidang kaunseling. Program-program Kaunseling yang disenaraikan merupakan program yang telah memenuhi standard yang telah ditetapkan oleh Lembaga Kaunselor. Para graduan dari semua universiti yang tersenarai di dalam jadual di atas adalah layak memohon untuk pendaftaran dan akan dijemput untuk temu duga.

## 5.2 JAWATANKUASA PENERBITAN

Pada tahun 2016 Jawatankuasa Penerbitan telah berjaya menghasilkan 3 buah e-buletin. Pada masa yang sama laporan tahunan Lembaga Kaunselor bagi tahun 2016 akan diedarkan dalam bentuk cakra padat kepada agensi kerajaan yang berkaitan.

Jawatankuasa juga telah membincangkan cadangan untuk mengeluarkan e-Jurnal pada tahun 2017 untuk memenuhi permintaan pasaran. Jurnal yang akan diterbitkan pada tahun 2017 adalah bertemakan “Kompetensi Kaunselor”. Di samping itu juga, satu laman web e-Jurnal akan dikeluarkan di website Lembaga Kaunselor.

### **5.3 JAWATANKUASA PEMANTAUAN AMALAN**

Jawatankuasa Pemantauan Amalan telah mengadakan beberapa siri bengkel bagi memantapkan lagi proses pengawalseliaan perkhidmatan kaunseling di Malaysia. Bengkel e-pemantauan (e-PAL) telah diadakan pada 9 November 2016. Bengkel ini bertujuan untuk memberi pengetahuan dan kemahiran kepada pegawai penyelia yang dilantik untuk memastikan kaunselor di Malaysia mematuhi Etika Kaunselor mengikut Akta Kaunselor 1998( Akta 580).

Bengkel ini bertujuan memberi tunjuk ajar kepada pegawai penyelia yang akan mengendalikan penyeliaan mengikut piawaian yang telah ditetapkan. Tujuan penyeliaan adalah untuk memastikan perkhidmatan yang diberi adalah profesional.

## 6. KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, sepanjang tahun 2016 Lembaga Kaunselor banyak menjalankan aktiviti dalam meningkatkan profesion kaunseling di Malaysia. Aktiviti yang diadakan adalah selari dengan fungsi Lembaga Kaunselor seperti yang termaktub dalam Akta Kaunselor 1998 (Akta 580) terutama urusan pendaftaran kaunselor berdaftar, penganjuran program yang mampu meningkatkan kemahiran dan pengetahuan kaunselor berdaftar serta aktiviti pemantauan dan penyeliaan amalan perkhidmatan kaunseling di Malaysia.

Suatu bentuk menolong bagi mencegah kemudaratan pada diri klien, mengembang potensinya, memulih keadaannya, melerai krisis yang dihadapinya dan mengendalikan perundingan bagi memartabatkan program dan perkhidmatan kaunseling. Program-program ini memberi pendedahan kepada kaunselor-kaunselor dalam menjalankan sesi kaunseling serta pemantapan dalam membantu klien. Kaunseling merupakan suatu bidang menolong dalam membantu menyelesaikan pelbagai masalah serta ketidakfungsian individu.

Selaku badan pengawalselia profesional, Lembaga Kaunselor akan dihormati dan dikagumi oleh masyarakat dan jesteru kerana itu amatlah diharapkan yang ia akan terus bekerjasama untuk mewujudkan kaunselor yang profesional.



**Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat,  
Aras 19, Pengurusan Lembaga Kaunselor,  
No.55, Persiaran Perdana, Presint 4,  
62100 Putrajaya**



03-8323 2521/2522/2524/2525



03-8323 2070



lembagakaunselor



Lembaga Kaunselor



#lembagakaunselor

Website: [www.lkm.gov.my](http://www.lkm.gov.my)